

15/07/2000

Sambutan Hari Wanita gabung pelbagai program

KUALA LUMPUR, Jumaat - Sambutan Hari Wanita tahun ini menggabungkan pelbagai program termasuk yang membabitkan semua pihak termasuk lelaki.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan perayaan berkenaan pada 25 Ogos, jam 9 malam, di ruang legar, Menara Kembar Petronas (KLCC).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil berkata, perayaan yang bertemakan Wanita 2000: Nur-Bermula Dengan Mu, juga diharap dapat menarik lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menyertai program yang disediakan.

"Program yang disediakan nanti bukan saja boleh disertai wanita di ibu negara tetapi juga di rumah, kerana program berkenaan akan disiarkan melalui radio dan televisyen.

"Ia juga diharap dapat menarik penyertaan lelaki termasuk menjadi ahli panel dalam beberapa bengkel yang akan membincangkan isu wanita," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan logo sambutan Hari Wanita di sini, hari ini.

Antara program yang diatitkan sempena hari berkenaan ialah Persidangan Wanita 2000, persembahan artistik cahaya dari wakil negeri, majlis makan malam, festival seni, tahlil dan pelbagai lagi program.

Shahrizat berkata, antara objektif sambutan yang diadakan tahun ini ialah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan wanita dalam pembentukan keluarga dan masyarakat.

(END)